

Bil. S 26

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA LEMBAGA KEMAJUAN EKONOMI BRUNEI
(PINDAAN), 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Pindaan), 2003.

Pemasukan bab 11A baru ke dalam Penggal 104.

2. Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 11 —

"Audit.

11A. (1) Akaun-akaun Lembaga hendaklah diaudit sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Lembaga,

yang akan menghadapkan suatu laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat.

(2) Jika akaun-akaun Lembaga telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (b) ceraiian (1), laporan yang disebut dalam ceraiian itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum laporan itu dihadapkan menurut ceraiian (1) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat."

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM